

BAB KEDUA

DAMĪR DALAM BAHASA ARAB

2.0 Pendahuluan

Damīr memainkan peranan yang penting di dalam struktur ayat bahasa Arab. Ia mempunyai ciri-ciri yang berbeza daripada kata nama-kata nama yang lain. Damīr juga merupakan ciri yang penting dalam pembinaan ayat bahasa Arab.

2.1 Pengertian Damīr

Damīr dari segi bahasa mengikut Ibn Zakariyyā berasal dari (ضَمِيرٌ) [dad mim ra'] terdapat dua makna, iaitu pertama: menunjukkan kepada ketelitian dalam sesuatu. Manakala yang kedua: menunjukkan kepada yang tiada dan tersembunyi atau dilindungi.¹

Dalam pada itu, Ibn Manzūr berpendapat **damīr** atau **mud̄mar** daripada perkataan (اصْمَرَ الشَّيْءَ) [admara], bila kita katakan “” [admartu al-syay] ia bermaksud saya menyembunyikan sesuatu.² Ibn Hisyām juga berpendapat dengan pendapat yang sama.³

Damīr dinamakan juga di dalam bahasa Arab sebagai **mud̄mar**. Ahli bahasa kufah menamakan **damīr** sebagai **kinayat** dan **makniy**.⁴ Damīr merupakan kata nama khas yang utama di dalam bahasa Arab.

Dari segi istilah, Ibn al-Hājib menyatakan bahawa:

“**damīr** ialah sesuatu yang diletak bagi menerangkan **mutakallim** [orang yang berkata atau kata ganti nama pertama] atau **mukhātab** [orang yang diucapkan kata-kata atau kata ganti nama kedua] atau **ghā'ib** [orang yang diperkatakan atau kata ganti nama ketiga] yang mendahului secara lafaz atau makna atau hukum”.⁵

Al-Radiy pula berpendapat, kata-kata Ibn al-Hājib perlu diperjelaskan lagi dengan katanya:

“Sesuatu yang disebut bagi menerangkan **mutakallim** atau **mukhātab**, dengan lafaz yang telah ditetapkan”.⁶

Sementara itu, menurut Mustafa al-Ghalayiñi **damīr** ialah sesuatu yang digunakan sebagai gantian bagi menerangkan **mutakallim** atau **mukhātab** atau **ghā'ib**.⁷ Ia berada di tempat perkataan asal yang diganti, contoh : “أَمْ حَدَّ طَالِبٌ هُوَ طَالِبٌ مُجَهَّدٌ” [Ahmad tālib. Huwa tālib mujtahid] (Ahmad seorang pelajar. Dia seorang pelajar yang rajin). Pada asalnya ayat tersebut berbunyi “أَمْ حَدَّ طَالِبٌ أَمْ طَالِبٌ مُجَهَّدٌ” [Ahmad tālib. Ahmad tālib mujtahid] (Ahmad pelajar. Ahmad pelajar yang rajin). Lalu **damīr ghā'ib** “مر” [huwa] (dia ‘m’) digunakan sebagai gantian bagi menerangkan kata ganti diri ketiga dan berada di tempat asal perkataan yang di ganti iaitu ‘مَهْ’ [Ahmad] (Ahmad).

⁶Azizah Fawwāl Babtiy pula memberi pengertian **damīr** sebagai kata nama jati yang menunjukkan kata ganti diri ketiga maskulin, kata ganti diri ketiga feminin, kata ganti diri kedua maskulin, kata ganti diri kedua feminin dan kata ganti diri pertama.⁸

Ahmad Qabbisy pula mendefinasikan **damīr** sebagai kata nama jati yang terletak di tempat **ism zāhir** bagi menunjukkan ganti diri pertama atau ganti diri kedua atau ganti diri ketiga dan bertujuan sebagai ringkasan.⁹

Definisi **damīr** yang diutarakan oleh Jarmanūs Farhat ialah sesuatu yang digunakan sebagai ganti nama pertama atau ganti nama kedua atau ganti nama ketiga yang didahului oleh sebutannya dari segi lafaz atau makna atau hukum.¹⁰

Manakala **damīr** yang dimaksudkan oleh Ibrahim Anis ialah perkataan-perkataan yang dipakai sebagai ganti kepada kata nama yang berulang. Di atas dasar inilah beliau berpendapat bahawa **damīr-damīr** biasa, **ism-ism isyarat**, **ism-ism mawsūl** dan **‘adad** termasuk dalam golongan ini.¹¹

Pergolongan kata yang dibuat oleh Ibrahim Anis itu, walaupun dipertikaikan tentang ketepatannya namun ia disokong oleh Mahdiy al-Makhzūmiy. Walau bagaimanapun al-Makhzūmiy menggantikan istilah **damīr** dengan satu istilah lain iaitu **kinayat**.¹² Tammām Hassan pula telah berpendapat bahawa **damīr** terbahagi kepada tiga bahagian; ganti nama diri, ganti nama tunjuk dan ganti nama penghubung.¹³ Jelas di sini ketiga-tiga ahli bahasa ini menggunakan konsep yang sama di dalam membuat pergolongan kata di bawah golongan kata **damīr** iaitu perkataan-perkataan yang dipakai sebagai ganti kepada kata nama yang berulang.

Berdasarkan pendapat-pendapat yang diutarakan dapat disimpulkan bahawa ahli bahasa dan ahli-ahli nahu tidak kira moden atau klasik bersependingat mengatakan bahawa **damīr** dalam bahasa Arab berperanan sebagai kata ganti nama. Cuma membezakan di antara sebahagian ahli bahasa dan nahu moden dengan ahli bahasa dan nahu klasik ialah dari skop peranan **damīr** itu sendiri. Menurut sebahagian ahli bahasa dan nahu moden skop peranan **damīr** diperluaskan lagi meliputi **ism isyarat** (ganti nama tunjuk), **ism mawsūl** (ganti nama penghubung) dan **‘adad** (bilangan). Manakala ahli bahasa dan nahu klasik menghadkan **damīr** hanya untuk kata ganti nama sahaja.

Penulis lebih cenderung mengatakan bahawa **damīr** adalah kata ganti nama sahaja. Dalam erti kata lain penulis menolak pendapat yang meletakkan **ism isyarat**, **ism mawsūl** dan **‘adad** di bawah penggolongan kata **damīr**. Ini adalah kerana **damīr-damīr** biasa mempunyai ciri-ciri pola binaan yang merangkumi genus dan bilangan yang

berbeza dengan **ism isyarat**, **ism mawsūl** dan **‘adad**. Di samping itu, penulis melihat **damīr-damīr** biasa bukan sekadar sebagai ganti kepada kata nama yang berulang kerana ada ketikanya **damīr** merujuk kepada sesuatu yang terletak selepas **damīr**. Oleh itu, dalam disertasi ini penulis hanya membincangkan **damīr** sebagai kata ganti nama, tanpa menyentuh persoalan mengenai **ism isyarat**, **ism mawsūl** dan **‘adad**.

2.2 Ciri-ciri Damīr

Damīr atau kata ganti nama dalam bahasa Arab mempunyai ciri-ciri tertentu yang membezakannya dengan kata-kata nama yang lain. Ciri-ciri utama yang terdapat pada **damīr** ialah, ia adalah **ma‘rifat** (Kata nama khas) dan **mabniy** (kata tak fleksi).

2.2.1 Damīr adalah Ma‘rifat

Ma‘rifat ialah kata nama khas iaitu kata nama yang menunjukkan sesuatu yang khusus. Ahli-ahli nahu sepakat berpendapat **damīr** adalah **ma‘rifat**. Ini sejajar dengan peranan yang dimainkan oleh **damīr** iaitu sebagai kata ganti nama. Sebelum sesuatu **damīr** digunakan seharusnya terdapat **ism** atau kata nama yang disebut terlebih dahulu kemudian barulah didatangkan **damīr** sebagai kata ganti nama baginya. Ini bermakna **ism** atau kata nama tersebut telah dikenali atau diketahui terlebih dahulu atau merupakan sesuatu yang khusus, dan dalam erti kata lain ia adalah **ma‘rifat**. Seterusnya, adalah suatu yang pasti, **damīr** adalah **ma‘rifat** kerana ia merupakan kata ganti nama bagi sesuatu yang **ma‘rifat**.

Kesemua **damīr** adalah **ma‘rifat**, ini sejajar dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Sibawīh :

*“Sesungguhnya **damīr** menjadi **ma‘rifat** kerana kamu hanya mendamīrkan sesuatu kata nama, selepas kamu mengetahui orang yang kamu berbicara mengetahui siapa yang kamu maksudkan dan apa yang kamu maksudkan, dan sesuatu yang kamu inginkan”.*¹⁴

Berdasarkan pendapat Sibawīh di atas, **damīr** diletakkan sebagai **ism ma'rifat** kerana **ism** yang **didamīrkan** atau ditukar kepada kata ganti nama ialah **ism** yang telah disebut sebelumnya atau berada dalam pemikiran penutur kata-kata tersebut dan difahami oleh penerima kata-kata tersebut.

2.2.2 Damīr adalah Mabniy

Mabniy ialah kata tak fleksi iaitu kata nama yang tidak berubah baris huruf akhirnya. Keseluruhan **damīr** adalah **mabniy** tanpa ada perbezaan pendapat mengenainya dan ia dibina dengan tanda-tanda **bina'** (tak fleksi) (**sukun**, **fath**, **kasr** dan **dum**). Namun begitu, yang menjadi perbahasan ahli-ahli nahu ialah sebab-sebab yang menjadikan **damīr** itu **mabniy**. Terdapat pelbagai pendapat dalam menghuraikan sebab-sebab tersebut. Di antara pendapat-pendapat tersebut ialah ia menjadi **bina'** secara asal kerana dua sebab :

- (i) Persamaannya yang kuat dengan **harf** dan ini merupakan sebab umum kepada **mabniyat**. Persamaan ini sama ada dari segi keperluan **damīr** tersebut kepada sesuatu yang menginterpretasikannya seperti **harf**¹⁵ atau binaan **damīr** itu sama dengan binaan **harf** iaitu terdiri daripada satu atau dua huruf.¹⁶ Contoh ‘ت’ [ta'] pada ‘ضررت’ [darabtu] (saya telah pukul) dan ‘ك’ {kaf} pada ‘ضربت’ [darabaka] (dia ‘m’ telah pukul awak ‘m’). Di samping itu **damīr** dikatakan mempunyai persamaan dengan **harf** kerana ia tidak mampu berdiri dengan sendiri.¹⁷ Contoh **damīr** ‘ت’ [ta'] pada ‘ضررت’ [darabtu] (saya telah pukul). **Damīr** ini tidak boleh berdiri dengan sendiri iaitu dengan ‘ت’ [ta'] semata-mata melainkan disambung dengan **fi'l** sebelumnya.
- (ii) Tidak tercatat pada percakapan orang Arab melainkan ia adalah **mabniy** pada keseluruhan jenisnya. Berbeza halnya dengan **ism-ism isyarat** dan **ism-ism mawsūl** yang berlaku **i'rāb** pada keadaan **tathniyyat**.¹⁸ Ini kerana **damīr**

tidak memerlukan *i'rab* kerana perbezaan polanya membawa kepada perbezaan makna.¹⁹ Contoh **damīr** untuk kata ganti diri ketiga **mufrad** ialah ‘هُوَ’ [huwa] (dia ‘m’) atau ‘هِيَا’ [hiya] (dia ‘f’). Sekiranya kita ingin **damīr** untuk kata ganti diri ketiga **muthannā**, kita tidak perlu untuk **memuthannakan** **damīr** ‘هُوَ’ [huwa] (dia ‘m’) atau ‘هِيَا’ [hiya] (dia ‘f’) kerana ia mempunyai pola yang tersendiri iaitu ‘هُمْ’ [humā] (mereka berdua ‘m’/ ‘f’).

Berdasarkan pendapat di atas yang diutarakan oleh ahli-ahli nahu dan ahli-ahli bahasa dalam konteks sebab-sebab yang menyebabkan **damīr** menjadi **mabniy**, secara jelas dapat diperhatikan bahawa hampir sepakat ahli-ahli nahu dan ahli-ahli bahasa mengeluarkan hujah, **damīr** menjadi **mabniy** disebabkan ia hampir menyerupai **harf** dari segi makna dan bentuknya.

Justeru itu apabila **damīr** adalah **mabniy** iaitu kata tak fleksi maka ia tidak boleh ditathniyyat dan dijam^f. Malah **damīr** juga tidak menerima tanda duaan dan jam^f. Ia menunjukkan **mufrad mudhakkár** atau **mu'annath** atau menunjukkan **muthannā mudhakkár** dan **mu'annath** atau menunjukkan **jama^f mudhakkár** atau **mu'annath** dengan zatnya dan pembentukkan polanya.²⁰ Dalam erti kata lain, **damīr** mempunyai polanya yang tersendiri dalam menentukan ciri yang menjadi tempat kembalinya dari sudut bilangan mahupun dari sudut genus.

2.3 Pembahagian **Damīr** di Dalam Bahasa Arab

Secara umumnya **damīr** boleh dibahagikan kepada dua bahagian mengikut konteks atau kriteria yang berikut:²¹

- (i) mengikut jenis diri.
- (ii) mengikut sebutan di dalam ayat dan perkataan.

2.3.1 Pembahagian **Damīr** Mengikut Jenis Diri

Pembahagian **damīr** mengikut makna ini meliputi kesemua kategori **damīr**. Dalam pembahagian ini, jenis diri yang ingin disampaikan oleh **damīr** tersebut merupakan konteks atau kriteria yang membezakan satu **damīr** dengan yang lainnya. Berdasar jenis diri, **damīr** boleh di bahagikan kepada tiga jenis iaitu:

1. untuk menunjukkan **al-takallum** iaitu diri yang pertama. **Damīr** dalam jenis ini dinamakan sebagai **damīr mutakallim**. Contoh **damīr** ini ialah ‘ا’ [anā] (saya), ‘عَنْ’ [nahnu] (Kami), ‘تُّ’ [tu] dan ‘نُّ’ [nā].
2. untuk menunjukkan **al-khitāb** iaitu untuk diri yang kedua. **Damīr** dalam jenis ini dinamakan sebagai **damīr mukhātab**. Contoh **damīr** ini ialah ‘أَنْتُ’ [anta] (awak ‘m’), ‘أَنْتِ’ [anti] (awak ‘f’), ‘أَنْتُمْ’ [tum] dan ‘أَنْتُمْ’ [k].
3. untuk menunjukkan **al-ghaibat** iaitu untuk diri yang ketiga. **Damīr** dalam jenis ini dinamakan sebagai **damīr ghā’ib**. Contoh **damīr** ini ialah ‘هُوَ’ [huwa] (dia ‘m’), ‘يُّ’ [hiya] (dia ‘f’), ‘أَنْ’ [uw] dan ‘إِنْ’ [a].

Kesimpulan daripada ini setiap jenis **damīr** di atas kecuali **mutakallim**, terdapat **damīr** khusus yang membawa maksud atau makna yang menunjukkan bilangan dan genus.

2.3.2 Pembahagian Damīr Berdasarkan Sebutan di dalam Ayat dan Perkataan

Damīr-damīr di dalam bahasa Arab mempunyai lafaz yang khusus. Ia terbahagi kepada dua kategori utama iaitu yang disebut di dalam perkataan, yang dinamakan sebagai damīr bāriz dan yang tidak kelihatan di dalam perkataan yang dinamakan, sebagai damīr mustatir. Pembahagian damīr seterusnya ialah berdasarkan pecahan daripada dua kategori utama ini, iaitu:

- (1) damīr bāriz.
- (2) damīr mustatir

2.3.2.1 Damīr Bāriz

Damīr bāriz adalah kata ganti nama yang disebut di dalam ayat dan perkataan, sama ada dalam percakapan dan penulisan.²² Ia terbahagi kepada dua bahagian:

- (1) damīr munfasil
- (2) damīr muttasil

I. Damīr Munfasil

Damīr munfasil ialah kata ganti nama yang boleh dimulakan ayat tengannya. Begitu juga kedudukan damīr ini selepas “ي” [illa] (kecuali) adalah dibolehkan.²³ Contoh seperti “أنا” [anā] (saya) dalam ayat “أنا مجتهد” [anā mujtahid] (saya berusaha) dan “ما اجتهد إلا أنا” [mā ijtahada illā anā] (tida yang rajin melainkan saya).

Damīr munfasil mengandungi dua puluh empat kata ganti nama.²⁴ Damīr munfasil ini, seterusnya pula terbahagi kepada dua bahagian:

- (a) **Damīr munfasil li al-raf**
 (b) **Damīr munfasil li al-nasb**

A. Damīr Munfasil li al-Raf

Lafaz bagi **damīr munfasil li al-raf** bagi diri pertama ialah seperti rajah 1:

Rajah 1

Contoh	Damīr munfasil li al-raf
Saya seorang pelajar → [anā tālib] أَنَا طَلَّابٌ. (lelaki)	(saya) [anā] أَنَا (i)
Kami pelajar-pelajar → [nahnu tulāb] نَحْنُ طَلَّابٌ. (lelaki)	(kami) [nahnu] نَحْنُ (ii)

Manakala lafaz **damīr munfasil li al-raf** bagi diri kedua ialah seperti rajah 2:

Rajah 2

Contoh	Damīr munfasil lil raf
Awak 'm' pelajar → [anta tālib] أَنْتَ طَلَّابٌ. (lelaki)	(awak 'm') [anta] أَنْتَ (i)
Awak berdua → [antumā tālibān] أَنْتُمَا طَلَّابٌ. (‘m’ pelajar-pelajar lelaki)	(awak berdua ‘m’) [antumā] أَنْتُمَا (ii)
Awak semua 'm' → [antum tulāb] أَنْتُمْ طَلَّابٌ. (pelajar-pelajar lelaki)	(awak semua 'm') [antum] أَنْتُمْ (iii)
Awak 'f' pelajar → [anti tālibat] أَنْتِ طَالِبَةٌ. (perempuan)	(awak 'f') [anti] أَنْتِ (iv)
Awak berdua → [antumā tālibatān] أَنْتُمَا طَالِبَاتٌ.	(awak berdua 'f') [antuma] أَنْتُمَا (v)

(‘f’ pelajar-pelajar perempuan	
Awak semua ‘f’) [antunna tālibāt] أَنْتُنَّ طَلَبَاتٍ. (pelajar-pelajar perempuan	(awak semua ‘f’) [antunna] أَنْتُنَّ (vi

Seterusnya, lafadz **damīr munfasil li al-raf'** bagi diri ketiga ialah seperti rajah 3:

Rajah 3

Contoh	Damīr munfasil li al-raf'	
(Dia ‘m’ pelajar lelaki) [huwa tālib]. هو طالب.	(dia ‘m’) [huwa]	(i)
Mereka berdua ‘m’) [humā tālibān]. هُمَا طَلَبَانِ. (pelajar-pelajar lelaki	(mereka berdua ‘m’) [humā]	(ii)
Mereka ‘m’ pelajar-) [hum tulāb]. هُمْ طَلَابٌ. (pelajar lelaki	(mereka ‘m’) [hum]	(iii)
Dia ‘f’ pelajar) [hiya tālibat]. هي طالبة. (perempuan	(dia ‘f’) [hiya]	(iv)
Mereka berdua ‘f’) [humā tālibatān]. هُمَا طَلَبَاتٍ. (pelajar-pelajar perempuan	(dia berdua ‘f’) [humā]	(v)
Mereka ‘f’ pelajar-) [hunna tālibāt]. هُنَّ طَلَبَاتٍ. (pelajar perempuan	(mereka ‘f’) [hunna]	(vi)

B. **Damīr Munfasil li al-Nasb**

Lafaz **damīr munfasil li al-nasb** bagi diri pertama ialah seperti rajah 4:

Rajah 4

Contoh	Damīr munfasil li al-nasb	
Dia maksudkan → [iyyāya qasada] <small>يَاي قَصْدَهُ.</small> (saya)	(saya) [iyyāya] <small>يَاي</small>	(i)
Dia maksudkan → [iyyānā qasada] <small>يَايْنَا قَصْدَهُ.</small> (kami)	(kami) [iyyānā] <small>يَايْنَا</small>	(ii)

Manakala lafaz **damīr munfasil li al-nasb** bagi diri kedua ialah seperti rajah 5:

Rajah 5

Contoh	Damīr munfasil li al-nasb	
Saya maksudkan → [iyyā qasadtu] <small>يَاك قَصَدْتُ.</small> (awak 'm')	(awak 'm') [iyyāka] <small>يَاك</small>	(i)
Saya → [iyyākumā qasadtu] <small>يَاكُمَا قَصَدْتُ.</small> (maksudkan awak berdua 'm')	awak berdua → [iyyākumā] <small>يَاكُمَا</small> ('m')	(ii)
Saya → [iyyākum qasadtu] <small>يَاكُم قَصَدْتُ.</small> (maksudkan awak semua 'm')	(awak semua 'm') [iyyākum] <small>يَاكُم</small>	(iii)
Saya maksudkan → [iyyāki qasadtu] <small>يَاكِ قَصَدْتُ.</small> (awak 'f')	(awak 'f') [iyyāki] <small>يَاكِ</small>	(iv)
Saya → [iyyākumā qasadtu] <small>يَاكُمَا قَصَدْتُ.</small> (maksudkan awak berdua 'f')	awak berdua → [iyyākumā] <small>يَاكُمَا</small> ('f')	(v)
Saya → [iyyākunna qasadtu] <small>يَاكُنَّا قَصَدْتُ.</small> (maksudkan awak semua 'f')	awak semua → [iyyākunna] <small>يَاكُنَّا</small> ('f')	(vi)

Seterusnya, lafaz **damīr munfasil li al-nasb** bagi diri ketiga ialah seperti rajah 6 :

Rajah 6

Contoh	Damīr munfasil li al-nasb	
Saya maksudkan [iyyāhu qasadtu] <small>لِيَاهُ قَصَدْتُ.</small> (dia 'm')	(dia 'm') [iyyāhu] <small>لِيَاهُ</small>	(i)
Saya → [iyyāhumā qasadtu] <small>لِيَاهُمَا قَصَدْتُ.</small> (maksudkan mereka berdua 'm')	mereka berdua) [iyyāhumā] <small>لِيَاهُمَا</small> (‘m’)	(ii)
Saya → [iyyāhum qasadtu] <small>لِيَاهُمْ قَصَدْتُ.</small> (maksudkan mereka 'm')	(mereka 'm') [iyyāhum] <small>لِيَاهُمْ</small>	(iii)
Saya → [iyyāhā qasadtu] <small>لِيَاهَا قَصَدْتُ.</small> (maksudkan dia 'f')	(dia 'f') [iyyāhā] <small>لِيَاهَا</small>	(iv)
Saya → [iyyāhumā qasadtu] <small>لِيَاهُمَا قَصَدْتُ.</small> (maksudkan mereka berdua 'f')	mereka berdua) [iyyāhumā] <small>لِيَاهُمَا</small> (‘f’)	(v)
Saya → [iyyāhunna qasadtu] <small>لِيَاهُنَّا قَصَدْتُ.</small> (maksudkan mereka 'f')	(mereka 'f') [iyyāhunna] <small>لِيَاهُنَّا</small>	(vi)

Daripada kenyataan di atas perbezaan lafaz bagi **damīr munfasil**, sama ada **damīr munfasil li al-raf'** atau **damīr munfasil li al-nasb** bukan sahaja disebabkan oleh jenis diri yang dibawa oleh setiap **damīr**, malah unsur bilangan dan genus memainkan peranan dalam menghasikan perbezaan lafaz **damīr** tersebut. Ini bermakna setiap **damīr** menunjukkan makna yang khusus, unsur bilangan yang khusus serta genus yang tertentu. Malah ciri-ciri inilah antara sebab **damīr** dikategorikan sebagai **ism mabniy**. Sebagai contoh **damīr** مُسَى “hiya” (dia ‘f’) ia bukan sahaja menunjukkan **damīr raf'** tetapi juga

merupakan kata ganti nama untuk kata nama yang mempunyai genus **mu'annath**, bilangan **mufrad** serta membawa maksud kata ganti nama ketiga.

II. **Damīr Muttaṣil**

Damīr muttaṣil ialah kata ganti nama yang selalunya terletak di akhir perkataan.²⁵ Ia juga ialah kata ganti nama yang tidak boleh dimulakan ayat dengannya. Ia juga tidak terletak selepas ‘ال’ [illā] (kecuali). Contohnya seperti ‘تَ’ [tā'] dan ‘كَافٌ’ [kāf] di dalam perkataan “[‘اکرامتُكَ’]” (saya telah hormati awak ‘m’). Tidak terdapat di dalam bahasa Arab “[ما اکرامتُ لَّاكَ]” [ma ‘akramtu illāka]”.²⁶

Damīr ini mesti terletak di akhir perkataan, ia tidak boleh berada di awal perkataan atau berada di permulaan ayat.²⁷ **Damīr muttaṣil** ini bersambung sama ada dengan **fīl** seperti ‘وَ’ [wāw] dalam perkataan “[كَاتِبُو]” [katabū]” (mereka ‘m’ telah menulis) atau dengan **ism** seperti ‘يَ’ [yā'] dalam perkataan “[كِتابِي]” [kitābī] (buku saya) atau dengan **harf** seperti ‘كَافٌ’ [kāf] dalam perkataan “[عَلَيْكَ]” [‘alayka] (keatas awak ‘m’).²⁸

Damīr ini terbahagi kepada tiga jenis:

- (a) **damīr muttaṣil li al-raf'**
- (b) **damīr muttaṣil li al-nasb atau li al-jar**
- (c) **damīr muttaṣil li al-raf' atau li al-nasb atau li al-jar**

A. Damīr Muttasil li al-Raf'

Lafaz **damīr muttasil li al-raf'** ialah:

1. **Ta' al-fa^cil**: seperti 'ت' [tu]: "سَدَقْتُ" [sadaqtu] (saya benar), "سَادَقْتَ" [sadaqta] (awak 'm'benar), "سَادَقْتِ" [sadaqti] (awak 'j' benar), "سَادَقْتُمَا" [sadaqtumā] (awak berdua benar).
2. **Nun al-niswat**: seperti 'ن' [na]: "[al-fatayāt ṣadaqna] (wanita-wanita itu benar).
3. **Waw al-jama^cat**: seperti 'وَ' [wū]: "[al-muta^callimūn ṣadaqū] (Guru-guru lelaki itu benar). Ia juga bersambung dengan **fi^cl mudari^c** dan **fi^cl amar**.
4. **Ya' al-mukhātabat**: seperti 'يَ' [ī]: "[isdiqī yā muta^callimat] (awak benar, wahai guru perempuan). Ia juga bersambung dengan **fi^cl mudari^c**.
5. **Alif al-ithnain**: seperti 'اً' [ā]: "[al-muta^callimān ṣadaqā] (Dua orang guru lelaki benar).
6. **Na al-fa^cill**: seperti 'نَّ' [nā]: "[laqad ṣadaqnā wa^cadanā] (kami telah tunaikan janji kami). Ia tidak bersambung melainkan dengan **fi^cl madī**. Sekiranya ia bersambung dengan **fi^cl mudari^c** atau **fi^cl amar** ia menjadi **mafūl bih** dan hukumnya **nasb**.

B. **Damîr Muttasil li al-Nasb atau li al-Jar.**

Tidak terdapat **damîr muttasil** yang khusus untuk **naṣb**, begitu juga tidak ada **damîr muttasil** yang khusus untuk **jar**. Terdapat lafaz yang sama bagi **damîr muttasil** untuk **nasb** dan **damîr muttasil** untuk **jar**.²⁹

Kata ganti nama ini berada di tempat **nasab** apabila ia bersambung dengan **fîl** (kata kerja) atau dengan **harf nasakh** (huruf nasakh). Kata nama ini berada di tempat **jar** apabila ia bersambung dengan **ism** (kata nama) atau dengan **harf jar** (huruf jar).

Kata ganti nama ini terdiri daripada ‘يَاءُ’ [Yā'] **damîr mutakkalim**, ‘كَافٌ’ [kāf] **mukhâtab**, dan ‘هَاءُ’ [hā'] **ghâ'ib**. Berikut adalah contohnya:

- “اَكْرَمَنِي رَبِّي” [‘akramanī rabbī] (tuhanku telah memuliakanku) : ‘يَاءُ’ [yā'] yang pertama terletak di tempat **nasb** dan menjadi **maf'ul bih** manakala ‘هَاءُ’ [yā'] yang kedua terletak di tempat **jar** dan menjadi **mudâf ilayh**.

- “لَا يَنْفَعُكُمْ اَعْمَالُكُمْ” [La yanfa'uka illā 'amaluka] (tidak memberi faedah kepada awak ‘m’ melainkan amalan awak ‘m’) : ‘كَافٌ’ [kāf] yang pertama terletak di tempat **nasb** dan menjadi **maf'ul bih** manakala ‘كَافٌ’ [kāf] yang kedua terletak di tempat **jar** dan menjadi **mudâf ilayh**.

- “اَكْرَمَهَا رَبُّهَا” [‘akramahā rabbahā] (tuhan-nya ‘f’ telah memuliakan-nya ‘f’) : ‘هَاءُ’ [hā'] yang pertama terletak di tempat **nasb** dan menjadi **maf'ul bih** manakala ‘هَاءُ’ [hā'] yang kedua terletak di tempat **jar** dan menjadi **mudâf ilayh**.

Jelas pada contoh-contoh di atas **damîr-damîr** yang digunakan adalah sama walaupun tempat fleksinya berbeza.

C. **Damīr Muttaṣil li al-Raf'** atau **li al-Nasb** atau **li al-Jar**

Lafaz bagi **damīr li al-raf'** atau **li al-nasb** atau **li al-jar** hanya satu iaitu ‘ن’ [nā] yang menunjukkan al-fa‘iln. Sebagai contoh firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarat ayat 286:

﴿رَبَّنَا لَا تُؤْخِذْنَا إِنْ نَسِيْنَا أَوْ أَخْطَأْنَا﴾

[Rabbana la tu'ahiznā in nasinā aw akhta'nā]

Pengertiannya: Wahai Tuhan kami janganlah engkau cela kami sekiranya kami telah terlupa atau kami telah tersilap

‘ن’ [Nā] yang pertama terletak di tempat **jar** dan menjadi **mudāf ilayh** manakala ‘ن’ [nā] yang kedua terletak di tempat **nasb** dan menjadi **maf'ul bih** manakala ‘ن’ [nā] yang ketiga dan keempat terletak di tempat **raf'** dan menjadi **fa‘il** (pelaku).

Seperti mana **damīr munfasil**, **damīr muttaṣil** juga terdiri daripada lafaz-lafaz yang bukan sahaja mewakili jenis diri tetapi juga mengandungi unsur genus dan unsur bilangan.

Perbezaan lafaz yang membawa kepada perbezaan makna dari sudut genus dan bilangan merupakan indeksi ciri yang terdapat pada **damīr** dan jarang terdapat pada **ism-ism** (kata nama) yang lain. Dalam **damīr muttaṣil** kadang-kadang terdapat perkongsian lafaz untuk tempat fleksi yang berbeza. Ini dapat dilihat secara jelas sekali pada **damīr munfasil** ‘ن’ [nā] yang boleh digunakan untuk kesemua tempat **i'rab** untuk **ism** iaitu **raf'**, **nasb** dan **jar**. Berbeza halnya dengan **damīr munfasil** yang mana terdapat lafaz-lafaz khusus bagi mewakili tempat **i'rab**. Di samping itu tempat **i'rab** untuk damit **munfasil** terhad untuk **raf'** dan **nasb** sahaja.

Sementara itu, secara umumnya semua keadaan yang boleh didatangkan **damīr muttasil** tidak harus digantikan dengannya **damīr munfasil**. Sebagai contoh “اَكْرَمْتَنِي” [’akramtuka] (saya memuliakan awak ‘m’) dan tidak harus “اَكْرَمْتُ لَكَ” [’akramtu iyyāka]. Namun begitu sekiranya **damīr** tidak boleh disambung seharusnya digunakan **damīr munfasil**. Ini berlaku dalam keadaan-keadaan berikut:³⁰

1. Apabila kita ingin mendahulukan **damīr** tersebut seperti firman Allah dalam surah al Fatihah ayat 4: {إِنَّا لِهٗ مُبْشِّرٌ} [iyyāka na[°]budu] (Hanya kepada engkaulah kami menghambakan diri).
2. **Damīr** tersebut adalah **mubtada'** sebagai contoh: “أَنْتَ مُجْتَاهِدٌ” [anta mujtahid] (Awak ‘m’ seorang yang rajin).
3. **Damīr** tersebut adalah khabar sebagai contoh: “الْمُجْتَاهِدونَ أَنْتُمْ” [al mujtahidūn antum] (Orang-orang yang rajin berusaha adalah kamu semua ‘m’).
4. **Damīr** itu merupakan **mahsūr** dengan ‘اِلَّا’ [illā] (kecuali) dan ‘عَمَّا’ [innamā] (hanya sanya). Sebagai contoh firman Allah dalam surah Yusuf ayat 12: {إِنَّ الْحُكْمَ إِلَّا لِنَا} [inni al-hukma illā lillāh, amara an lā ta[°]budū illā iyyāh] (Keputusan ini hanyalah kepunyaan Allah. Dia telah memerintahkan agar kamu tidak menyembah selainNya).
5. **‘Āmil** (Pengubah fleksi) bagi **damīr** tersebut telah digugurkan. Contoh “لِيَكَ وَالْخَلْوَسِ فِي” [iyyāka wa al-julūs fi al-turuqāt] (kamu hendak mengelak daripada duduk di jalan-jalan). Pada asalnya terdapat **fīl** “عَسِيرَكَ” [uhadhdhiruka] (saya mengingatkan awak ‘m’), tetapi telah dibuang **fīl** “عَسِيرَنِي” [uhadhdhiru] (saya mengingatkan) dan digantikan ‘كَ’ [ka] (awak ‘m) kepada ‘كَ’ [iyyāka] (awak).

6. **Damīr** tersebut ialah **maf'ul bih** bagi **masdar** yang menjadi **mudāf** kepada **fā'ilnya**. Contoh: سُرِّي إِكْرَامُ الْأَسْتَاذِ يَاهُكَ [yasurtun ikrām al-ustāz iyyāka] (saya gembira dengan penghormatan ustaz kepada awak ‘m’).
7. **Damīr** tersebut ialah **tabī‘** (kata susul) bagi sesuatu yang sebelumnya. Contoh بِحُرْجُونَ ”الرَّسُولُ وَابْنُهُمْ“ [yukhrijūn al-rasūl wa iyyākum] (mereka mengeluarkan rasul dan kamu semua).

Di samping itu dalam keadaan tertentu diharuskan untuk menggunakan **damīr muttasil** dan **munfasil** iaitu:³¹

1. Sekiranya **damīr** tersebut adalah **khabar** bagi كَانَ [kāna] dan partikel-partikel seumpamanya. Contoh: كَعْنَهُ وَكَعْنَهُ [kuntuhu, wa kuntu iyyāhu] (saya adalah dia ‘m’).
2. Terdapat dua **damīr mansūb** bagi satu ‘amil, iaitu dalam bab fi'l-fi'l yang menasabkan dua **maf'ul** yang asal keduanya bukan **mubtada'** dan **khabar**. Contoh: سَأَلْتُكُمْ وَسَأَلْتُكُمْ [sa'altukahu, wa sa'altuka iyyāhu] (Saya telah bertanyakan awak mengenainya). Begitu juga halnya sekiranya fi'l tersebut adalah dalam bab fi'l-fi'l yang menasabkan dua **maf'ul** yang asal kedua-duanya adalah **mubtada'** dan **khabar**. Contoh ظَنَنْتُكُمْ وَظَنَنْتُكُمْ [zanantukahu, wa zanantuka iyyāhu] (Saya sangkakan awak adalah dia ‘m’).

Jelas di sini, **damīr muttasil** lebih diutamakan daripada **damīr munfasil** pada ketika berlaku persamaan di tempat i'rāb kerana tujuan **damīr** adalah sebagai ringkasan atau gantian kepada kata nama yang sebelumnya. Dalam pada masa yang sama **damīr muttasil** adalah lebih ringkas daripada **damīr munfasil** maka ia lebih diberi keutamaan dalam hal ini.

2.3.2.2 **Damīr Mustatir**

Damīr mustatir ialah kata ganti nama yang tidak kelihatan ketika disebut.³²

Contoh :

ساعِدْ غَيْرَكَ بِساعِدْكَ

[sā'īd ghairaka yusā'īdka]

(awak ‘m’ bantulah orang lain, niscaya dia ‘m’ akan membantu awak ‘m’).

Fā'il untuk kedua-dua fī'l iaitu “ساعِدْ” [sā'īd] (Awak ‘m’ bantulah) dan “مساعِدْكَ” [yusā'īdka] (dia ‘m’ akan membantu awak ‘m’) ialah **damīr mustatir** yang diandaikan pada fī'l pertama sebagai “أنتْ” [anta] (awak ‘m’) dan yang kedua sebagai huwa “مرْ” [huwa] (dia ‘m’), iaitu:

ساعِدْ [أنتْ] غَيْرَكَ [هُوَ] بِساعِدْكَ

[sā'īd [anta] ghairaka yusā'īdka [huwa]].

(Tolonglah [awak ‘m’] orang lain, akan tolong awak ‘m’ [dia ‘m’])

Damīr ini terdapat dalam bentuk-bentuk **mutakallim** seperti : “كتبْ” [aktubu] (saya menulis) dan “نكتبْ” [naktubu] (kami menulis) , atau dalam bentuk **mufrad mudhakkár mukhátab** seperti : “أكتبْ” [uktub] (awak ‘m’ tulislah) dan نكتبْ [taktub] (awak ‘m’ menulis), atau dalam bentuk **mufrad ghā'ib** dan **mufrad ghā'ibat** seperti : “عليَّ كتبْ” ['Aliy kataba] (Ali menulis) dan مهند نكتبْ [Hind taktubu] (Hind menulis)³³.

Damīr ini terbahagi kepada dua bahagian:

- (i) Wajib **mustatir**. Maksud wajib **mustatir** ialah tidak dibolehkan kata nama zahir dan **damīr munfasil** berada di tempat kata ganti nama tersebut.³⁴ Ia terdapat di dalam enam keadaan:³⁵
- (a) **fīl** yang digunakan untuk **al-mutakallim** sama ada dalam keadaan **mufrad** atau **jam'** seperti : “أَجْتَاهِيدُ” [ajtahid] (saya berusaha bersungguh-sungguh) dan “نَاجْتَاهِيدُ” [najtahid] (kami berusaha bersungguh-sungguh)”.
- (b) **fīl** yang digunakan untuk **mukhātab** dan menunjukkan **mufrad**, seperti : “أَخْتَهِيدُ” [ijtahid] (awak ‘m’ berusahalah)”.
- (c) **ism fīl** (kata nama kerja) yang digunakan untuk **mutakallim** atau **mukhātab**, seperti : “أَفَ” [uffin] (uhh) dan صَنَعَ [sah] (diam!)”.
- (d) **fīl al-ta'ajub** yang menggunakan pola “سَأَفْسُلُ” [mā af'ala], seperti “مَا أَحْسَنَ الْعِلْمُ” [mā ahsana al-ilm] (alangkah indahnya ilmu)”.
- (e) **fīl-fīl istithna'** (kata kerja-kata kerja laras kecuali) iaitu: “خَلَاءُ” [khalā], عَدَّا [‘adā], حَادِثًا [khāsyā], لا يَكُونُ [lā yakūn]”, seperti : “[jā'a al-qawm mā khalā Zuhayran] (Kumpulan itu telah datang kecuali Zuhair) atau لَبَسَ [laysa Zuhayran] (kecuali Zuhair) atau لا يَكُونُ زَهْرًا [lā yakūn Zuhayran] (kecuali Zuhair)”.
- (f) **masdar** yang menggantikan **fīl** seperti :
- صَرَابًا عَلَى الشِّدَادِ” [sabran ‘alā al-syadā’id] (bersabarlah terhadap kesusahan).

- (ii) Harus **mustatir**. Maksud harus **mustatir** ialah dibolehkan kata nama zahir dan **dāmir** bariz berada di tempat **dāmir** tersebut.³⁶ Ia berlaku pada **fīl** yang digunakan untuk **ghā'ib** atau **ghā'ibat** dan **mufrad**, seperti : “**سَعِدَ أَمْبَادٌ** [Sa'īd ijtahada] (Said telah berusaha bersungguh-sungguh) dan **فَاطِمَةُ تَاجِتَاهِدُ** [Fatimah telah berusaha bersungguh-sungguh]”.³⁷

Perbezaan di anta keduanya ialah dari sudut tidak boleh disebut di dalam sesuatu ayat dan **ism** zahir tidak boleh berada di tempatnya. Sebagai contoh:³⁸

سَعِدَ يَجْتَاهِدُ

[Sa'īd yajtahidu]
(Said berusaha)” dan

يَجْتَاهِدُ سَعِدٌ

[yajtahidu Sa'īd]
(berusaha Said)”.

Dalam ayat yang pertama **fā'il** ialah kata ganti nama harus **mustatir** yang diandaikan sebagai “**هُوَ**” [huwa] (dia ‘m’) dan kembali kepada ‘**سَعِدٌ**’ [Sa'īd] (Said), manakala **fā'il** dalam ayat yang kedua ialah ‘**سَعِدٌ**’ [Sa'īd] (Said). Inilah yang dimaksudkan dengan harus **mustatir** iaitu tempat **dāmir** itu boleh diisi oleh **ism zāhir**.

Berbeza dengan kata ganti wajib **mustatir**, sebagai contoh: “**نَاجَتَاهِدُ**” [najtahidu] (kami berusaha). Pelaku di dalam ayat ini ialah kata ganti wajib **mustatir** dan diandaikan

sebagai “نَحْنُ” [nahnu] (kami). Tidak boleh tempatnya di ambil alih oleh kata nama zahir atau **damīr bāriz**.

2.4 **Damīr Fasl**

Damīr fasl merupakan satu jenis kata ganti nama yang terdapat di dalam bahasa Arab. Ia adalah **damīr raf'** dan terletak di antara dua unsur asas ayat kata nama iaitu antara **mubtada'** dan **khabar** atau yang berasal dari kedua-duanya. Mengikut jumhur syarat **ism** sebelum **damīr fasl** adalah **ma'rifat** dan selepasnya juga adalah **ma'rifat**, contoh:

الأخلاق هي الحارسة من الزلل.

[al-akhlāq hiya al-hārisat min al-zulal]

(akhlaq ialah penjaga daripada kesilapan)

atau **nakirat** (kata nama am) yang seperti **ma'rifat**, iaitu seperti ‘افضل’ [af'al] isim tafđil yang tidak ada alif lam ‘ال’ [al] dan bukan **idāfat** atau **ism tafđil** yang terdapat selepasnya ‘من’ [min] (daripada), contoh:

الموت في الحرب هو أكرم من الاستسلام

[al-mawt fi al-harb huwa akram min al-istislām]

(Kematian dalam perang adalah lebih baik daripada menyerah diri)

Menurut Suyūtiy:

“ **damīr** ini dinamakan **fasl** (pemisah) di kalangan ahli-ahli Basrah kerana ia memisahkan di antara **mubtada'** dan **khabar**, dan dikatakan juga kerana ia memisahkan di antara **khabar** dan **sifat**. Di samping itu dikatakan juga kerana ia memisahkan di antara **khabar** dan **tābi'f**. Ini disebabkan dengan pemisahan tersebut ia menjelaskan bahawa **ism** kedua selepasnya adalah **khabar** dan bukan **tābi'f**. Ini merupakan pendapat yang

terbaik. Manakala di kalangan ahli-ahli Kufah, mereka menamakannya ‘imād kerana pergantungan kepadanya mempunyai faedah iaitu ia menerangkan bahawa *ism* yang kedua adalah *khabar* dan bukan *tabī‘*. Sesetengah ahli-ahli Kufah menamakaninya *dī‘amat* kerana ia membantu ujaran, iaitu menguat dan memperkuuhkannya. Kedatangannya ialah untuk memperkuuhkan. Setengah orang-orang terdahulu telah menamakannya *sifat*. Menurut Abū Hayyān yang dimaksudkan dengan *sifat* tersebut ialah *ta’kid* (pengukuhan).³⁹

Kehadiran *damīr fasl* di dalam sesuatu ayat ialah untuk beberapa tujuan, yang utamanya ialah untuk menunjukkan bahawa selepasnya adalah *khabar* dan bukan *tabī‘*. Dengan sebab inilah ia dinamakan pemisah (*fasl*) kerana ia memisahkan antara *khabar* dan *tabī‘*. Tujuan seterusnya ialah sebagai paksi ayat tersebut kerana makna ayat bergantung atau berpaut kepadanya. Untuk menjelaskannya, sebagai contoh:

الشَّجاعُ النَّاطِقُ بِالْحَقِّ يَبْغُ رَضَاَ اللَّهِ.

[al-syujā‘ al-nātiq bi al-haq yabghī ridā Allāh]

Terdapat beberapa kemungkinan di situ:

1. ‘[al-nātiq] (yang menyatakan) menjadi *sifat* bagi ‘[الشَّجاعُ’ [al-syujā‘] (orang yang berani), manakala *khabar* bagi *mubtada’* ialah ayat kata kerja “[yabghī ridā Allāh]” (mencari keredhaan Allah). Maknanya ialah Orang berani yang menyatakan kebenaran dia mencari keredhaan Allah.
2. 2. ‘[al-nātiq] (orang yang menyatakan) adalah *khabar* kepada *mubtada’*. Maknanya ialah orang yang berani ialah orang yang menyatakan kebenaran bagi mencari keredhaan Allah.

Kedua-dua kemungkinan adalah harus, cuma terdapat perbezaan makna antara kedua-duanya. Tetapi, sekiranya kita berkata:

الشجاع هو الناطق بالحق يعني رضا الله.

[al-syujā'c huwa al-nātiq bi al-haq yabghī ridā Allāh]

(Orang yang berani ialah orang yang menyatakan dengan kebenaran untuk mencari keredhaan Allah).

Kita telah menentukan ‘الناطق’ [al-nātiq] (orang yang bertutur) menjadi **khabar**.

Jelas di sini kedatangan **damīr fasl** membentuk ikatan yang tersusun di antara binaan dan makna ayat. Dari segi binaan kehadiran **damīr fasl** seolah-olah mengulangi **ism** yang sebelumnya. Sebagai contoh:

زيد هو المختهد

[Zayd huwa al mujatahid]

(Zaid dia seorang yang rajin.)

Dalam konteks ini, Khalil Ahmad 'Umairat berkata:

“Ayat di atas seolah-olah berbunyi “زَيْدٌ زَيْدٌ امْخَتَهْدٌ” [Zayd Zayd al mujtahid] (Zaid Zaid seorang yang berusaha bersungguh-sungguh). Seterusnya ini membentuk satu bentuk hubungan dari segi semantik. Di mana menurut konteks nahu pengulangan adalah bertujuan untuk **tawkid** (pengukuhan). Pendapat ini sejajar dengan apa yang diperkatakan oleh Abū Hayyān ketika memperbetulkan pendapat yang diutarakan oleh sesetengah ahli-ahli Kufah yang mengatakan **damīr fasl** adalah **sifat**, lalu diperbetulkan oleh Abū Hayyān dengan mengatakan yang mereka maksudkan sebenarnya adalah **tawkid** (pengukuhan)”.⁴⁰

Dalam pada itu, al-Radiy berpendapat **damīr fasl** tersebut mengambil tempat perkataan ‘نفس’ [nafsuḥū] (sendiri). Beliau berkata :

“.....sesungguhnya kita katakan bahawa **damīr fasl** berfungsi sebagai **ta'kid** (pengukuhan), kerana sesungguhnya makna : ”زَيْدٌ مِنْ النَّاسِ” [Zayd huwa al-qāim] (Zaid dia berdiri) ialah ”زَيْدٌ نَفْسُهُ الْقَائِمُ” [zayd nafsuhi al-qāim] (Zaid sendiri yang berdiri)”.⁴¹

Walau bagaimanapun al-Radiy menolak pendapat yang mengatakan **damīr fasl** adalah **tawkid**, dengan katanya “tetapi ia (**damīr fasl**) bukan **tawkid** (pengukuhan), kerana ia datang selepas **ism zahir** sedangkan **damīr** tidak mentaukidkan **ism zahir**”.⁴² Dalam erti kata lain al-Radiy berpendapat **damīr fasl** berperanan sebagai **tawkid** (pengukuhan) dari sudut makna atau semantik tetapi tidak dari sudut sintaksis.

2.5 Damīr Sya'n

Damīr sya'n atau **damīr qissat** atau **damīr 'amr** adalah satu dari jenis-jenis kata ganti yang terdapat di dalam bahasa Arab. Menjadi kebiasaan Arab untuk menggunakan kata ganti nama ini di dalam ayat untuk mentafsirkan ayat selepasnya. Ia digunakan dalam keadaan untuk menyatakan sesuatu kebesaran dan kebanggaan. Contoh:

إنه زيد منطلق

[innahū zaydun muntaliqun.]
(sesungguhnya, Zaid telah berlepas).

Makna kata ganti nama “.” [h] (nya) ialah makna ayat ”زَيْدٌ مُنْتَلِقٌ” [Zaydun muntaliqun]. Jadi ia bermaksud: Dia, Zaid telah berlepas, ”زَيْدٌ مُنْتَلِقٌ” [Zaydun muntaliqun] (Zaid berlepas) atau hal kejadian ketika itu ”زَيْدٌ مُنْتَلِقٌ” [Zaydun muntaliqun] (Zaid berlepas).

Ini menunjukkan peranan **damīr sya'n** sebagai satu gambaran khusus dari gambaran **mubtada'** yang digunakan untuk menerangkan maksud-maksud yang tertentu

di dalam keadaan peristiwa yang berbeza. Gambaran ini tidak digunakan melainkan pada keadaan yang menerangkan kebesaran dan kebanggaan pada diri yang ditutur. Apabila dimaksudkan dengan kata ganti nama sebagai **sya'n** atau **qissat** umumnya hendaklah ia **ifrad** (satu) dan berbentuk kata ganti ketiga (**ghaybat**).

Kata ganti ini juga terdapat berserta **nawāsikh ibtida'** dan **khabar**. Contoh :

1. إِنَّهُ / زَيْدَ ذَاهِبٍ

[innahū / Zayd dhāhib]

(Sesungguhnya Zaid pergi)

2. Firman Allah dalam surah al Haj ayat 46: {فَإِنَّمَا لَا تَعْمَلُ الْأَبْصَرُ}

[fainnahā lā ta'ma al-absār]

(Maka sesungguhnya tidak buta penglihatan)

Ha' [al hā'] dalam contoh-contoh di atas adalah **damīr sya'n** yang terletak di tempat **nasb ism nāsikh** ـ [inna] (sesungguh) dan ayat selepasnya ialah **khabar nāsikh**.

2.6 Nun al-Wiqayat.

Nun wiqayat ialah nun yang berbaris di bawah serta berada sebelum ya' **mutakallim** yang bersambung dengan **fīl** atau yang bersambung dengan sesetengah **harf**. Kewujudannya di dalam perkataan ada yang wajib dan ada yang harus. Ia menjadi wajib sekira bertemu dengan **fīl** atau dengan dua **harf jar** ـ [min] (daripada) dan عن [‘an] (tentang), serta بـ [layta] (mudah-mudahan) contoh :

- أَكْرَمَنِي [akramaniy] (dia 'm' telah menghormati saya).

- مِنِي [minnī] (daripada saya)

- عَنِي ['annī] (tentang saya)

- لِيَتِي [laytanī] (mudah-mudahan saya).

Ia menjadi harus sekiranya bertemu dengan : أَنْ [anna] (bahawasanya), إِنْ [inna] (sesungguh), كَانَ [lakinna] (tetapi), كَانَ [ka'anna] (seolah-olah), لَمْ [la'alla] (mudah-mudahan). Contohnya:

- أَنِي [annī] dan أَنِي [innanī] (bahawasanya saya)

- إِنِي [innī] dan إِنِي [innanī] (sesungguhnya saya)

- لَكُنِي [lakinnī] dan لَكُنِي [lakinnanī] (tetapi saya)

- كَانِي [ka'annī] dan كَانِي [ka'annanī] (seolah-olahnya saya)

- لَمْي [la'allī] dan لَمْي [la'allanī] (mudah-mudahan saya)

Nun pada ‘لَمْ’ [la'alla] (mudah-mudahan) lebih banyak digugurkan daripada disebut.

Jika berhimpun **nun wiqayat** dan **nun af'āl al-khamsat'** harus dikatakan:

تَشَارِكَانِي [antuma tusyārikāninī] atau تَشَارِكَانِي [tusyārikānnī] atau تَشَارِكَانِي [tusyārikānī].

2.7 Penutup

Gambaran *damīr* atau kata ganti nama dalam bahasa Arab sama sekali berbeza dengan kata ganti nama bahasa lain. Ia lebih terperinci khususnya dari sudut genus dan bilangan.

Nota Hujung

- ¹ Ibn Zakariyyā. *Mu‘jam al-Maqāyis fī al-lughat*, hal. 602.
- ² Ibn Manzūr. *Lisān al-‘Arab*, jil. 4, hal. 492.
- ³ Ibn Hisyām. *Syarḥ syudhūr al-Dhahab*, hal. 130.
- ⁴ *Ibid.*
- ⁵ Ibn Hājib. *Al-Kāfiyyat fī al-Nahū bi syarḥ Al-Rādiy al-Istirabādhiy*, jil. 2, hal. 3.
- ⁶ *Ibid.* jil 2, hal. 4.
- ⁷ Mustafā Al-Ghalayiyyī. *Jamī‘ al-Durūs al-‘Arabiyyat*, juz 1, hal 115 dan 116.
- ⁸ ^cAzizah Fawwāl Babtiy. *Al-Mu‘jam al-Mufassal fī al-Nahū al-‘Arabiyy*, juz. 1, hal. 584.
- ⁹ Ahmad Qabbisy. *Al-Kāmil fī al-Nahw wa al-Sarf wa al-Frab*, hal. 239.
- ¹⁰ Jarmanūs Farhāt. *Mu‘jam wa Dirasat fī al-Nahw al-‘Arabiyy*, hal. 141.
- ¹¹ Ibrāhīm Anis. *Mīn Asrār al-Lughat*, hal. 204.
- ¹² Mahdīy al-Makhzumiy. *Fī al-Nahw al-‘Arabiyy Qawaīd wa tatabq ‘alā Minhāj al-Hadīth*, hal. 45 dan 46.
- ¹³ Tammām Hassan. *Al-Lughat al-‘Arabiyyat Ma‘nāhā wa Mabnāhā*, hal 110.
- ¹⁴ Sibawīh. *Al-Kittab*. jil. 1, hal 220.
- ¹⁵ Ibn Mālik. *Al-Tashīl*, hal. 29. Alfīyyat Ibn Mālik. *Bab Mu‘rab wa Mabnīy*. Ibn Hājib. *Op.cit*, jil. 2, hal. 3.
- ¹⁶ Ibn Hājib. *Ibid.*
- ¹⁷ Ibn Hājib. *Ibid.* Al-Suyūtiy. *Ham‘ al-Hawāmi‘ – Syarḥ Jam‘ al-Jawāmi‘*. jil. 1, hal. 16 dan 17. Ibn Ya‘isy. *Syarḥ al-Mufassal*, jil 3, hal. 85.
- ¹⁸ Abd Allāh bin Hamad bin Abd Allāh Al-Dāyil. *Al-Binā’ fi al-Lughat al-‘Arabiyyat Qolsim al-Frab*, hal. 105.
- ¹⁹ Ibn Mālik. *Op.cit*, hal. 29.
- ²⁰ ^cAbbās Hasan. *Al-Nahw al-Wafīy*, jil. 1 hal. 218.
- ²¹ *Ibid.* jil. 1, hal. 219.
- ²² *Ibid.*
- ²³ Mustafā al-Ghalayiyyī. *Jamī‘ al-Durūs al-‘Arabiyyat*, juz. 1, hal. 119.
- ²⁴ *Ibid.*
- ²⁵ ^cAbbās Hassan. *Op.cit*, jil. 1, hal. 220.
- ²⁶ Mustafā al-Ghalayiyyī. *Op.cit*, juz. 1, hal. 116.
- ²⁷ ^cAbbās Hassan. *Op.cit*, jil. 1, hal. 220.
- ²⁸ Mustafā al-Ghalayiyyī. *Op.cit*, juz. 1, hal. 116.
- ²⁹ ^cAbbās Hassan. *Op.cit*, jil. 1, hal. 222.
- ³⁰ Mustafā al-Ghalayiyyī. *Op.cit*, juz. 1, hal. 120.
- ³¹ *Ibid.* hal. 121.
- ³² *Ibid.* hal. 122.
- ³³ *Ibid.*
- ³⁴ ^cAzizah Fawwāl Babtiy. *Op.cit*, juz. 4, hal. 597.
- ³⁵ Mustafā al-Ghalayiyyī. *Op.cit*, juz. 1, hal. 122.
- ³⁶ ^cAzizah Fawwāl Babtiy. *Op.cit*, juz. 4, hal. 597.
- ³⁷ Mustafā al-Ghalayiyyī. *Op.cit*, juz. 1, hal. 123.
- ³⁸ *Ibid.*

³⁹ Al-Suyūtiyy. *Op.cit*, jil. 1, hal 68.

⁴⁰ Khalil Ahmad Ḩumairat, *Ard' fī al-Damir al-Ā'id wa al-Lughat "Akaluni al-Barāghith"*, hal. 72.

⁴¹ Ibn Hājib. *Op.cit*, jil. 2, hal. 24.

⁴² *Ibid.*